



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA  
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel: 03-8883 2545  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisam@moh.gov.my

Ruj. Kami: KKM. 600-29/4/56 Jld.10 (48)

Tarikh : 28 Januari 2019

## SENARAI EDARAN

*YBhg. Datuk / Dato' Indera/ Dato' / Tuan / Puan,*

### **'DENGUE ALERT' : PENINGKATAN KES DENGGI DI SELURUH NEGARA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Hasil pemantauan yang dilakukan dari Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan (CPRC), terdapat peningkatan kes dan wabak Denggi bermula Minggu Epid ke- 43 tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 6% hingga 25% setiap minggu. Pada tiga (3) minggu pertama tahun 2019, kes mingguan yang dilaporkan telah melebihi 3,000 kes seminggu. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 16 kematian denggi juga telah dilaporkan. Situasi Kes Denggi hingga minggu ke tiga tahun 2019 adalah seperti di **Lampiran 1**.

3. Jabatan Kesihatan Negeri perlu mengambil tindakan segera bagi mengawal peningkatan kes dan kematian Denggi di semua peringkat. Tindakan yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti berikut:-

## **i. Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri**

- a. Menggembeleng seluruh sumber yang ada di Negeri dan Daerah bagi aktiviti kawalan vektor termasuk mobilasi anggota dari unit atau daerah lain ke lokaliti wabak atau bermasalah denggi.
- b. Mengaktifkan Jawatankuasa Wabak Daerah dan Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri serta memastikan penglibatan bersepadu pelbagai agensi dalam aktiviti pencegahan dan kawalan kes Denggi.
- c. Melaksanakan aktiviti penguakuasaan bersepadu sepanjang bulan Januari hingga Mac 2019 yang diselaraskan oleh Unit Inspektorat dan Perundangan di peringkat Negeri dan Daerah.
- d. Mengaktifkan program PAKAT terutamanya di lokaliti wabak dan Hotspot untuk memberikan pendidikan mengenai *source reduction* kepada masyarakat.
- e. Meningkatkan kerjasama bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Daerah bagi penguatkuasaan tempat pembiakan terutamanya di tanah-tanah lot kosong.
- f. Melaksanakan aktiviti semburan ORS di bangunan STRATA terutamanya di lokaliti wabak dan Hotspot.
- g. Menjalankan aktiviti BTI menggunakan mistblower di tanah lot kosong, lorong belakang (*Backlane*), longgokan sampah haram dan kawasan yang menyumbang pembiakan Aedes.
- h. Menggerakkan dan meningkatkan penglibatan komuniti seperti COMBI, KOSPEN, dan Panel Penasihat Klinik Kesihatan bagi melaksanakan aktiviti pembersihan persekitaran dalam kalangan komuniti.
- i. Memastikan perkhidmatan Pekerja Sambilan Harian (PSH) serta *outsourcing* di Negeri dan Daerah berterusan dan tidak tergendala.

## ii. Peringkat Hospital

- a. Kesiapsiagaan dalam menangani kes *severe dengue* terutamanya di Unit Rawatan Rapi dan Wad.
- b. Memastikan anggota di *Frontliner* di Jabatan Kecemasan dan Wad agar terlatih dalam menguruskan kes Denggi dan berupaya mengenalpasti kes *severe dengue*.

## iii. Peringkat Klinik Kesihatan dan Klinik Komuniti

- a. Memastikan bekalan *Combo Rapid Test Kit (CRTK)* mencukupi untuk diagnosa kes disyaki Denggi.
- b. Memastikan anggota di *Frontliner* berupaya mengenal pasti *Warning Signs* dan *Severe Dengue*.
- c. Kes yang memerlukan rawatan susulan perlu dipantau dengan rapi dan diberi Denggi '*alert card*'.

4. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Tuan/ Puan, dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

*Saya yang menjalankan amanah,*



(DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH)

s.k.


- i. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- ii. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- iii. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- iv. Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia
- v. Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
- vi. Pengarah Pendidikan Kesihatan

## SENARAI EDARAN

1. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
2. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
3. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
4. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak
5. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
6. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri WP Kuala Lumpur-Putrajaya
7. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
8. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
9. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor
10. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
11. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
12. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
13. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Serawak
14. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
15. Pengarah  
Jabatan Kesihatan Negeri WP. Labuan

Jadual 1: Kes Denggi Dilaporkan Pada Minggu Epid Ke -3 Tahun 2019

Bil	Negeri	Minggu 3 (13 – 19 Januari 2019)		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 3/2019		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 3/2018		Peningkatan/ penurunan kes
		Kes	Mati	kes	Mati	Kes	Mati	Kes
1	Perlis	14	0	44	0	15	0	193%
2	Kedah	69	0	179	0	77	1	132%
3	P. Pinang	257	1	763	3	269	0	184%
4	Perak	82	0	233	1	157	0	48%
5	Selangor	2,003	5	5,249	6	1,637	3	221%
6	WP KL & Putrajaya	276	0	784	1	281	1	179%
7	N. Sembilan	67	0	209	3	57	0	267%
8	Melaka	57	0	107	0	34	0	215%
9	Johor	226	0	742	2	410	1	81%
10	Pahang	22	0	72	0	59	0	22%
11	Terengganu	27	0	87	0	9	0	867%
12	Kelantan	92	0	253	0	67	0	278%
13	Sarawak	34	0	87	0	40	0	118%
14	Sabah	101	0	303	0	225	1	35%
15	WP Labuan	3	0	7	0	1	0	600%
	<b>MALAYSIA</b>	<b>3,330</b>	<b>6</b>	<b>9,119</b>	<b>16</b>	<b>3,338</b>	<b>7</b>	<b>173%</b>



Gambarajah 1: Tren kes mingguan kes Denggi hingga minggu epid ke-3 Tahun 2019 berbanding tahun 2018 dan median (2014-2018)